

U GB 30-11 00290 BB907

aab

Kenyataan - Mahathir '''

Berikut ialah kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai Resolusi No. 678 Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Atas Perkarà Iraq-Kuwait.

+Malaysia sebagai anggota Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah menyokong Resolusi 678 yang dibentang di sidang Majlis itu pada hari ini. Resolusi tersebut memberi kuasa kepada anggota-anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengambil segala tindakan yang perlu untuk mempertahankan serta melaksanakan Resolusi 660 yang mengutuk pencerobohan Iraq ke atas Kuwait dan mendesak Iraq mengundur tenteranya dari Kuwait. Resolusi ini juga mengarah Iraq mematuhi semua resolusi berikutan yang berkaitan bagi memulihkan semula keamanan dan keselamatan antarabangsa di wilayah tersebut.

2. Memanglah sukar bagi Kerajaan Malaysia membuat keputusan ini. Kerajaan telah menimbang dengan teliti segala faktor berhubung dengan soal Iraq-Kuwait ini, sebelum membuat keputusan itu. Oleh kerana soal ini amatlah penting, Menteri Luar Negeri YB Datuk Haji Abu Hassan bin Haji Omar, telah bertemu dengan Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Encik James Baker, di Los Angeles pada 24. Nov, 1990 dan telah menyampaikan pendirian kita terhadap krisis di Teluk dan terhadap soal keamanan di Timur Tengah. Di samping itu Wakil Tetap Malaysia di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Datuk Razali Ismail, juga telah mengadakan perbincangan mendalam dengan wakil-wakil anggota Majlis Keselamatan dan wakil-wakil Negara-negara Berkecuali.

3. Malaysia sentiasa peka akan tanggungjawabnya sebagai anggota Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Juga sebagai negara kecil dan anggota Persidangan Islam dan Pergerakan Negara-negara Berkecuali adalah menjadi kewajipan bagi Malaysia menyokong dan menegakkan keutuhan dan keazaman Majlis Keselamatan menentang pencerobohan demi memulihkan keamanan. Pendirian Malaysia menentang pencerobohan dan penaklukan oleh mana-mana negara besar dan kuat ke atas negara-negara kecil adalah jelas. Malaysia tidak akan berganjak dari pendirian ini. -- Lagi

▼30/11/11-15MST

CNS3851

U GB 30-11 00274 BC172

AAB

Kenyataan - Mahathir 2

4. Kerajaan-kerajaan Kuwait, Arab Saudi, Mesir dan beberapa anggota Pertubuhan Persidangan Islam telah merayu supaya Malaysia memberi sokongan kepada Resolusi Majlis Keselamatan itu. Kita mengambil berat ke atas rayuan itu dan mengambilkira bahawa Kuwait adalah satu negara kecil yang telah dicerobohi dan ditakluki oleh negara tetangganya yang gagah, iaitu Iraq.

5. Malaysia sentiasa mahukan penyelesaian secara damai bagi krisis di Teluk itu. Malaysia telah menaja dan menyokong beberapa resolusi ke arah pencapaian objektif tersebut. Malangnya, Iraq tidak langsung menunjukkan apa-apa kesediaan untuk mematuhi resolusi-resolusi yang mendesaknya berundur secara aman dan tanpa syarat semua bala tenteranya dari Kuwait dan menyerahkan kembali negara itu kepada Kerajaan Kuwait yang sah dan kepada rakyatnya. Oleh kerana itu Malaysia bersependapat bahawa Iraq harus diperingatkan kembali akan tanggungjawabnya sebagai anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan kewajipannya di bawah Undang-undang Antarabangsa, dan Iraq diberi kesempatan terakhir untuk mematuhi sepuluh resolusi Majlis Keselamatan yang berkaitan dalam tempoh waktu yang ditetapkan, sebelum tindakan selanjutnya diambil. Terpulanglah kepada Iraq mengambil langkah yang boleh membuka jalan ke arah penyelesaian damai krisis Teluk yang berpunca dari pencerobohannya ke atas Kuwait.

6. Malaysia sememangnya tidak menginginkan apa-apa tindakan keras memaksa Iraq berundur dari Kuwait. Namun tindakan keras boleh diambil oleh pasukan antarabangsa ke atas Iraq sejajar dengan Perkara 51 Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi menyahut rayuan Kuwait untuk menyelamatkan negaranya. Sebaliknya Malaysia sentiasa berpegang teguh kepada kewibawaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dalam soal keamanan dan keselamatan antarabangsa, dan sejajar dengan pendirian ini, menegaskan apa-apa tindakan keras bagi maksud tersebut harus mendapat kelulusan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sebelum tindakan seumpama itu diambil. -- Lagi

♥30/11/11-20MST

AAB

Kenyataan - Mahathir 3

7. Malaysia merasa tidak senang terhadap pendirian Kerajaan Amerika Syarikat yang tidak tegas mengenai soal keamanan di Timur Tengah khususnya mengenai masalah Palestin dan penyiksaan oleh tentera Israel ke atas rakyat Palestin di wilayah yang ditaklukinya. Adalah wajar bagi Amerika Syarikat memberi perhatian serius mengenai hak-hak rakyat Palestin dan menunjukkan kesungguhannya menimbang semua isu Timur Tengah secara adil dan seimbang.

8. Walau bagaimanapun Malaysia berpendapat bahawa nasib Kuwait dan rakyatnya tidak seharusnya menunggu penyelesaian soal Palestin. Pencerobohan Iraq ke atas Kuwait bukanlah caranya untuk menyelesaikan soal Palestin. Sokongan Malaysia terhadap tuntutan rakyat Palestin tidak harus diragukan. Kita sentiasa mendesak Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk memberi perhatian sepenuhnya untuk mencapai penyelesaian yang adil dan saksama berlandaskan resolusi-resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

9. Malaysia menggesa Iraq mematuhi kehendak masyarakat antarabangsa untuk segera berundur tanpa apa-apa syarat dari Kuwait sebelum 15 Januari 1991. Kita sangatlah mengharapkan tindakan keras dapat dielakkan, tetapi Iraq mestilah menerima dan mematuhi resolusi ini bagi menghindar tercetusnya peperangan. Kita telah mengingatkan sekiranya tindakan keras diambil, ianya mestilah selaras dengan Resolusi-resolusi Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu terutama Resolusi-resolusi 660, 662 dan 664. Negara-negara yang bertindak demikian tidak dibenarkan bertindak melebihi dan terkeluar dari objektif-objektif resolusi-resolusi tersebut.

10. Malaysia sentiasa mengutuk apa-apa pencerobohan yang dilakukan oleh mana-mana negara ke atas negara lain. Kita tidak merestui atau menerima penggunaan kekerasan bagi menyelesaikan persengketaan di antara negara-negara, tambahan pula melalui kuasa ketenteraan. Inilah sebabnya maka Malaysia telah menyokong Resolusi 678 Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. -- Bernama

♥30/11/11-26MST